

INSURANS KENDERAAN DAN KEMALANGAN: APA YANG BERLAKU HARI INI

Disediakan oleh: Autoriti Monetari Brunei Darussalam



KENAPA INSURANS KENDERAAN?

Setiap individu yang memiliki kereta akan tahu bahawa insurans motor atau takaful motor diperlukan sebagai sebahagian daripada proses pembaharuan pendaftaran kenderaan tahunan masing-masing. Tetapi tidak ramai yang tahu mengapa ia diperlukan? Di Negara Brunei Darussalam, mengikut Akta Insurans Kenderaan Bermotor, Bab 90 (Risiko Pihak Ketiga), ianya adalah menyalahi undang-undang bagi kenderaan berada di jalan raya tanpa mempunyai perlindungan insurans **motorkenderaan**. Terdapat dua jenis perlindungan yang ditawarkan di Negara Brunei Darussalam:

| | Perlindungan | Perlindungan yang boleh didapati secara tambahan |
|----------------------------------|---|---|
| Perlindungan Pihak Ketiga | a) Kecederaan tubuh badan dan kematian pihak ketiga. b) Kerosakan harta benda pihak ketiga. | |
| Perlindungan Komprehensif | a) Kecederaan tubuh badan dan kematian pihak ketiga. b) Kerosakan harta benda pihak ketiga. c) Kerugian/kerosakan kenderaan awda disebabkan kebakaran, kecurian atau perlanggaran | <ul style="list-style-type: none">• Kerosakan cermin kenderaan• Banjir, ribut• Perlindung an-daripada ekses• Risiko Penumpang di dalam kenderaan anda sendiri• Kemalangan Diri |

| | | |
|--|--|--|
| | disebabkan kemalangan atau semasa dalam transit kecuali laluan laut. | |
|--|--|--|

Nota: Sila semak dengan pembekal insurans / takaful awda tentang perlindungan awda dan perlindungan yang boleh didapati secara tambahan bagi polisi awda

Pernahkah awda terfikir, apa yang akan berlaku jika awda terlibat dalam kemalangan jalan raya tanpa perlindungan insurans atau takaful? Menurut Laporan Trafik Kemalangan Jalan Raya oleh Unit Keselamatan dan Penyelidikan Jalanraya, Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalulintas, Angkatan Polis Diraja Brunei (PDB), pada suku pertama 2015, terdapat 286 kenderaan yang tidak mempunyai cukai jalan yang sah, dan dengan itu tidak dilindungi oleh polisi insurans **kenderaanmotor** yang sah atau pelan Takaful.

Apa yang akan berlaku jika awda terlibat dalam kemalangan jalanraya tanpa perlindungan insurans atau Takaful?

Kemalangan pasti berlaku, akan tetapi menjadi lebih rumit jika individu yang terbabit tidak dilindungi insurans **/motor** **Takaful kenderaan**. Perkara ini haruslah difikirkan oleh sesetengah individu yang tidak mempunyai perlindungan insurans **atau atau** **Takaful kenderaan**. Menurut Laporan Trafik Kemalangan Jalan Raya tersebut, 38% daripada jumlah keseluruhan kemalangan kenderaan melibatkan kemalangan diri sendiri dan telah menyebabkan 2 kematian. Terlibat dalam kemalangan kenderaan tanpa insurans boleh menjadi satu kesilapan yang besar, walau bagaimanapun dengan mempunyai insurans, awda akan mempunyai pilihan.


Pada misalnya, awda boleh membuat tuntutan dengan syarikat insurans awda bagi pembayaran ganti rugi dan kecederaan jika awda mempunyai perlindungan insurans kenderaan yang betul. Jika awda mempunyai perlindungan liabiliti pihak ketiga, awda mungkin tidak perlu membayar balik kerosakan harta benda dari poket awda sendiri dan syarikat insurans awda akan menanggung kos tersebut. Selain daripada itu, jika awda mempunyai perlindungan kemalangan diri tambahan, awda boleh membuat tuntutan bil perubatan awda kepada syarikat insurans awda dengan syarat perlindungan awda tidak luput.

TREN TERKINI KEMALANGAN KENDERAAN DAN TUNTUTAN

Pada tahun 2014, syarikat-syarikat insurans dan pengendali Takaful menerima sebanyak 3954 laporan mengenai tuntutan kenderaan bermotor yang mana 94% daripadanya adalah merupakan tuntutan yang melibatkan kenderaan persendirian. Statistik ini, walaupun kurang daripada 1% jumlah kenderaan berdaftar, jumlah tuntutan yang dibayar adalah tinggi, iaitu BND31.3 Juta. Sejak suku pertama 2013, syarikat-syarikat insurans dan pengendali Takaful telah membayar tuntutan sehingga BND11 juta setiap suku tahun. Perangkaan bagi tahun 2013-2015 juga melaporkan sebanyak lebih kurang 600 tuntutan yang dibayar bagi setiap suku tahun.


Syarikat insurans dan Pengendali Takaful menerima 3954 laporan tuntutan kenderaan pada tahun 2014

**Jumlah kemalangan yang dilaporkan kepada Polis Diraja Brunei dan jumlah tuntutan yang telah dibayar
2011-2014**



Semenjak 4 tahun kebelakangan, jumlah kemalangan yang dilaporkan telah mencecah lebih 3,000 kes setiap tahun. Dari tahun 2013 hingga tahun 2014, kemalangan melibatkan diri sendiri telah turun sebanyak 1.35% akan tetapi kemalangan antara kenderaan telah meningkat sebanyak 4.3%. Sementara itu, pada suku pertama 2015 sahaja, jumlah kemalangan yang dilaporkan adalah sebanyak 1,307, termasuk kereta, kenderaan berat, motosikal dan basikal.

**Bilangan tuntutan yang telah dibayar
Q1 2013-Q1 2015**



Kos tuntutan yang tinggi ini, jika dibiarkan tanpa pengawasan, akan mengakibatkan peningkatan kepada kos insurans motor/Takaful. Oleh itu, semua pemandu dan pemilik kenderaan digesa untuk memandu dengan cermat dan yang paling penting, untuk mempunyai insurans s-motor/perlindungan Takaful kenderaan.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Takaful dan Insurans, awda bolehlah memuat turun "*My Takaful and Insurance Book*", daripada www.ambd.gov.bn atau mendapatkan salinan percuma di Tingkat 7, Autoriti Monetari Brunei Darussalam, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, BB3910.